

07 APR 2000

Mahkamah-Anwar

PENGARAH CAWANGAN KHAS MINTA AZMIN SURUH UMMI TARIK BALIK TUDUHAN

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu bahawa bekas pengarah Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia, Datuk Mohamed Said Awang, telah meminta Mohamed Azmin Ali menyuruh adiknya, Ummi Hafilda Ali untuk menarik balik tuduhannya terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Azmin, bekas setiausaha sulit Anwar, berkata Mohamed Said memintanya berbuat demikian semasa pertemuan mereka di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri pada Ogos 1997 sebelum Mohamed Said menemui Anwar.

"Datuk Mohamed Said meminta saya bercakap dengan Ummi supaya menarik balik tuduhan beliau terhadap Datuk Seri Anwar, tetapi saya tidak setuju dengan cadangan itu kerana saya tidak bertegur sapa dengan Ummi," kata Azmin, yang menjadi setiausaha sulit Anwar selama 15 tahun.

Ummi Hafilda ialah penulis surat "Perihal Salahlaku Seks Timbalan Perdana Menteri" yang dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beserta surat pengakuan Azizan Abu Bakar yang dia diliwat oleh Anwar.

Azmin, 36, kini Anggota Dewan Undangan Negeri Selangor kawasan Hulu Klang, berkata oleh kerana bimbang dengan kata-kata Mohamed Said itu, beliau telah memaklumkan kepada anggota keluarganya pada hari yang sama mengenai hal itu pada pertemuan mereka di rumah kakaknya.

Azmin berkata demikian pada perbincangan kes liwat Anwar dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang dibicarakan bersama terhadap tuduhan meliwat Azizan di pangsapuri Sukma di Tivoli Villa, Bukit Bandaraya di sini antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, ahli perniagaan, juga menghadapi tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan perbuatan terhadap Azizan, bekas pemandu keluarga Anwar pada masa dan tempat yang sama.

Azmin berkata setahun kemudian, beliau bertemu dengan Ummi di rumah abangnya dan pada pertemuan itu, adiknya itu telah meminta maaf dan menafikan terlibat dengan penulisan surat kepada Dr Mahathir itu.

Beliau berkata bahawa pada pertemuan selepas itu, Ummi telah menunjukkan sepucuk surat akuan berkanun yang menafikan penglibatannya dengan buku 50 Dalil itu dan mengesahkan yang beliau menerima wang dan kontrak untuk mereka-reka bukti.

Perbincangan disambung Isnin ini.

-- BERNAMA

nhd mai